

Sabah perlu lahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Musa Haji Aman berkata, dengan dikurniakan sebuah universiti yang besar adalah amat penting bagi Sabah untuk mengeluarkan sumber modal yang berkualiti bagi pembangunan pendidikan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.

Katanya, persaingan dunia hari ini lebih tinggi dan bergantung atas pengetahuan kepada teknologi canggih untuk survival dan kemajuan oleh itu negeri ini harus membangunkan sumber manusia yang berkualiti.

"Sabah perlu membangun dengan berasaskan kualiti sumber manusia apa yang kita ada, kerana beberapa tahun lalu, kita kerugian dalam bahagian yang kita mempunyai kelebihan," katanya pada majlis makan malam sempena Persidangan Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAHL) di sini, malam kelmarin.

Sehubungan itu, Musa berkata, beliau mahu melihat UMS mengetuai usaha transformasi untuk menjadikan Sabah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan untuk

pengajian di Malaysia dan juga rantau ini.

Ketua Menteri berkata, ramai yang sudah menyedari bahawa Sabah mempunyai mega biodiversiti dan aset berkenaan perlu diberi pendedahan secara lebih meluas bagi memberi manfaat untuk kegunaan pengeluaran perkhidmatan bertaraf dunia.

Sehubungan itu, semua pihak termasuk mereka yang berpengalaman di UMS dan juga institusi penyelidikan tempatan yang lain boleh membantu untuk meningkatkan lagi penyelidikan kawasan semula jadi dengan cara yang berkekalan untuk faedah negeri ini, kerana Malaysia merupakan tempat yang selamat untuk berehat.

"Dalam konteks ini, katanya, sumber bio-ekonomi dan bioteknologi yang ada di negeri ini merupakan antara agenda sebagai kawasan pertumbuhan baru yang berkualiti kerana ia merupakan kombinasi yang menjadi sumber kekayaan antara biologikal dan diversiti," katanya.

Sehubungan itu, Musa berkata, peranan universiti di tengah-tengah arus global dan cabaran kebangsaan apa yang diperkatakan semasa persidangan berlangsung perlu untuk institusi yang sudah terkemuka di rantau ini untuk menyemak semula peranan dan haluan mereka dalam kepantasan

peredaran dunia

"Ia katanya, tidak boleh diambil mudah kerana ia perlu sentiasa relevan dan apa juga cabaran itu perlu direka cipta semula bagi disesuaikan dengan keperluan semasa dan masa depan untuk pelanggan, pelajar entiti perniagaan dan korporat, masyarakat dan kerajaan.

Musa berkata, dalam kecanggihan teknologi dan rangkaian dunia yang lebih luas, beliau pasti bentuk geografi yang terpisah bukanlah halangan dan berharap kedatangan ramai ke negeri ini dalam persidangan yang diadakan akan menambah pengetahuan dan pengalaman antara institusi pengajian tinggi di rantau ini dan sebarang sana.

Beberapa program katanya, boleh diperkenalkan untuk diperluaskan sebagai agenda penting untuk dijalinan ke arah kerjasama bagi kepentingan masyarakat dan negara masing-masing ia termasuklah kemunculan lebih kebudayaan dan pengetahuan masyarakat global.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Prof. Tan Sri Dr. Abu Hassan Othman, Presiden ASAHL, Dr. Terasita Quirino, dan Pengarah Pusat Korporat dan Perhubungan Antarabangsa UMS, Prof Mohd Yusof Kasim.